

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 10 Julai 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA MEI 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 6.8 peratus pada Mei 2023

PUTRAJAYA, 10 Julai 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mei 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pengeluaran getah asli meningkat 6.8 peratus pada bulan Mei 2023 (25,062 tan metrik) berbanding pada bulan April 2023 (23,460 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 20.2 peratus (Mei 2022: 20,857 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.3%) berbanding sektor estet (13.7%).

Jumlah stok getah asli pada Mei 2023 menurun 11.4 peratus kepada 172,263 tan metrik berbanding 194,464 tan metrik pada April 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.4 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.5%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,062 tan metrik pada Mei 2023 menurun 1.8 peratus berbanding April 2023 (37,728 tan metrik). China terus kekal sebagai

destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 41.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2023 diikuti Jerman (16.3%), Pakistan (3.7%), Türkiye (2.9%) dan Portugal (1.6%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.0 billion pada Mei 2023, meningkat 28.6 peratus berbanding April 2023 (RM0.8 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 1.3 peratus (Mei 2023: 488.76 sen sekilogram; April 2023: 495.00 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 2.8 peratus (Mei 2023: 478.02 sen sekilogram; April 2023: 465.21 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula adalah dalam keadaan bercampur iaitu menurun 1.2 peratus serta meningkat 2.2 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 0.6 peratus (daripada USD 1.36/kg kepada USD1.35/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 1.0 peratus (daripada USD1.54/kg kepada USD1.56/kg).

Berdasarkan laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Mei 2023, sentimen positif pasaran getah Kuala Lumpur didorong oleh beberapa faktor termasuk perkembangan positif rundingan hutang siling U.S., penurunan pengeluaran getah asli tempatan akibat fenomena gelombang haba dan nilai Ringgit yang lemah berbanding U.S. dollar.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mei 2022 dan April - Mei 2023
(‘000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mei 2022 dan April - Mei 2023
('000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JULAI 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 10th July 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
MAY 2023

Malaysia natural rubber production
increased by 6.8 per cent in May 2023

PUTRAJAYA, 10 July 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, May 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

According to the Department of Statistics Malaysia, Natural Rubber (NR) production increased by 6.8 per cent in May 2023 (25,062 tonnes) as compared to April 2023 (23,460 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 20.2 per cent (May 2022: 20,857 tonnes). Production of NR in May 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (86.3%) as compared to estates sector (13.7%).

Total stocks of NR in May 2023 decreased by 11.4 per cent to 172,263 tonnes as compared to 194,464 tonnes in April 2023. Rubber processors factory contributed 92.4 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.5%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 37,062 tonnes in May 2023, decreased 1.8 per cent as against April 2023 (37,728 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 41.9 per cent of total exports in May 2023 followed by Germany (16.3%), Pakistan (3.7%), Türkiye (2.9%) and Portugal (1.6%).

The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.0 billion in May 2023, an increase of 28.6 per cent as compared to April 2023 (RM0.8 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded a decrease of 1.3 per cent (Mei 2023: 488.76 sen per kg; April 2023: 495.00 sen per kg) while Scrap increased by 2.8 per cent (May 2023: 478.02 sen per kg; April 2023: 465.21 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) are mixed with a decline of 1.2 per cent and increase up to 2.2 per cent. The World Bank Commodity Price Data has reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) decreased 0.6 per cent (from USD1.36/kg to USD1.35/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 1.0 per cent (from USD1.54/kg to USD1.56/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in May 2023, the positive sentiment of Kuala Lumpur rubber market was boosted by several factors which include the positive progress of U.S. debt ceiling negotiation, a decline in local NR production due to the heatwave phenomenon and weak Ringgit against the U.S. dollar.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly GDP.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber May 2022 and April - May 2023
('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber May 2022 and April - May 2023
('000 tonnes)**



Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 JULY 2023**